



KOPERASI PERUMAHAN
ANGKATAN TENTERA BERHAD




LAPORAN TAHUNAN 2016



COOP

1
ANGGOTA
RUMAH



ISI KANDUNGAN

BIL PERKARA	MUKA SURAT
1. ATURCARA	2
2. PROFAIL KOPERASI	3
3. NOTIS MESYUARAT AGUNG	8
4. MINIT MESYUARAT AGUNG KE-46	9
5. LAPORAN LEMBAGA KOPERASI	17
6. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN JAWAPAN	26
7. LAPORAN JURUAUDIT DAN AKAUN TAHUN 2016	37
8. PANDANGAN SKM BAGI AKAUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015	84
9. ANGGARAN PENDAPATAN & BELANJAWAN 2018	89
10. HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN DAN SKOP & HAD PELABURAN KOPERASI	90
11. BORANG PERMOHONAN MENGELOUARKAN DIVIDEN / HIBAH	

ATURCARA

**Aturcara Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-47
Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad
Pada Ahad 23 Julai 2017, jam 0700
di Auditorium, Wisma FELCRA
Jalan Rejang, Setapak Jaya, 50772 Kuala Lumpur**

0700 – 1100

Para anggota Koperasi mendaftar nama, mengundi dan mengambil tempat dalam auditorium

Acara Perasmian Mesyuarat Agung

1000 – 1005

Doa Selamat

1005 – 1040

Ucapan alu-aluan oleh
Pengerusi Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad
Kol Hj Mohamad Haris bin Yusop (Bersara)

Ucapan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-47 oleh
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera

YBhg Brigedier Jeneral Abdul Hadi bin Md Sharif

1040 – 1050

Penyampaian Sumbangan Pendidikan Pelajar Cemerlang Tahun 2016
Dan Anugerah Anggota Terlama

1115


Mesyuarat Agung Tahunan Ke-47 dimulakan

PROFAIL KOPERASI

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	Kol Hj Mohamad Haris bin Yusop (Bersara) Kapt Ahmad Tormudi bin Ja'afar (Bersara) Lt Kol Rusli bin Dariah Lt Kol Hj Ishak bin Marulah (Bersara) Mej Makzam bin Ibrahim En Kamal bin Ahmad En Samsuddin bin Ahmad	Pengerusi Naib Pengerusi Setiausaha Bendahari Anggota Lembaga Anggota Lembaga Anggota Lembaga
PENASIHAT KEWANGAN	Lt Kol Rosni bin Ujang	
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	Lt Kol Mohd Lutpi Taufik bin Che Mat Min Mej Asrul bin Ismail PW1 Nek Lah bin Yusof	Ketua Anggota Jawatankuasa Anggota Jawatankuasa
JURUAUDIT LUAR	MNZWAJ Associates 19-2-1 Jalan Wangsa Delima 5 Pusat Bandar Wangsa Maju 53300 Kuala Lumpur	JuruauditKoperasi AkauntanBertauliah AF 001959
KAKITANGAN PENGURUSAN	Hj. Mohd Fauzi bin Abdullah Rozimi Azmera bin Repin Haslina bt Mohammad Morni Zarina binti Ahmad Nor Fariha bt Masaod Nurul Farhanan bt Zakaria Noor Hidayana binti Yahya Mariana binti Mohamad Sallah Asnizukacaras bin Saari Siti Fatimah bt Abdul Rahman Norfahatihha bt Aziz Siti Nurain bt. Salbini Balkis bt Ahmad Mohd Noor Azri bin Noor Rahman Amira Raihana bt. Ab Rahman Suhaini bt Idris Mohamed Izuan bin Mohamed Kelling Nur Hazariah bt Azman Ahmad Kamal bin Md Shah Siti Nasuha bt Md Radzi Muhamad Hafizuddin Md Khalil Zainal bin Yusof Shaidatul Naziah binti Zainni	Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pengurus Pengurus Kewangan & Akaun Pengurus Teknologi Maklumat Pegawai Teknologi Maklumat Eksekutif Pelaburan & Pemasaran Eksekutif Penyeliaan Pinjaman Pembantu Khas CEO Pegawai Akaun Pegawai Pinjaman Kerani Keanggotaan Kerani Akaun 1 Kerani Akaun 2 Kerani Kredit 1 Kerani Kredit 2 Kerani Kredit 3 Kerani Rekod dan Fail Kerani Kutipan Kerani Perkhidmatan Pelanggan 1 Kerani Perkhidmatan Pelanggan 2 Pembantu Pejabat Penyelia Cawangan Sg. Udang Kerani Cawangan Sg. Udang
PENDAFTARAN TELEFON ALAMAT	: 4093 Bil. Koop : 473/1, 05 April 1965 : 03-41427071 / 7072 FAX : 03-41425294 : No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II) 53300 Kuala Lumpur.	
PEJABAT CAWANGAN	: SU 132-1, Jalan JTH 1, Taman Terendak Heights, 76300 Sungai Udang, Melaka. Tel : 06-3500206	
WEBSITE E-MAIL & FACEBOOK	: www.kpatb.com.my : kpat@kpatb.com.my & kpat_bhd@yahoo.com	

CARTA ORGANISASI


KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD 2016/2017



CARTA ORGANISASI KAKITANGAN

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

2017







DUDUK DARI KIRI: NOR FARHIA BINTI MASAOD (PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT), ZARINA BINTI AHMAD (PENGURUS TEKNOLOGI MAKLUMAT), ROZMI AZURA BIN REPIN (PENGURUS), MOHD FAUZI BIN ABDULLAH (KETUA PEGAWAI ESEKUTIF), ZAINAL BIN YUSOF (PENGETUA CAWANGAN SUNGAI UDANG), HASLINA BINTI MOHAMAD MORNI (PENGURUS KEWANGANAN) NOR HIDAYANA BINTI TAHYA (PEGAWAI PENGETUA PINJAMAN).

BERDIRI DARI KIRI: ASNIZUKACARAS BIN SAARI, MUHAMMAD HAFIZZUDIN BIN MD KHALIL, NURUL FARHANAN BINTI ZAKARIA, AMIRA RAHANA BINTI AB RAHMAN, SUHAINI BINTI IDRIS, SITI NASUHA BINTI MD RADZI, NURHAZARIAH BINTI AZMAN, SHAIQATUL NAZIAH BINTI ZAINNI, BALKIS BIN AHMAD, SITI FATIMAH BINTI ABDUL RAHMAN, NOR FAHATHHA BINTI AZIZ, MARIANA BINTI MOHAMAD SALLAH, SITI NURAINI BINTI SALBINI, MOHAMED IZUAN BIN MOHAMED KELLING, MOHD NOOR AZRI BIN NOOR RAHMAN, AHMAD KAMAL BIN MD SHAH.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-47

DENGAN INI ADALAH DIBERITAHU bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 47 Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPAT) akan diadakan di Wisma FELCRA, Lot PT 4780, Jalan Rejang, Setapak Jaya, 50772 Kuala Lumpur pada 23 JULAI 2017 (AHAD) jam 7.00 pagi.

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan.
2. Memilih dan melantik 3 orang Anggota Lembaga Koperasi yang baru.
3. Mengesah dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 46 yang telah diadakan pada 22 Mei 2016.
4. Menimbang akaun-akaun teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 serta laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (jika ada) serta mengisyiharkan 7% dividen ke atas yuran dan syer bagi RM 50,000 pertama dan 1% bagi selebihnya kepada setiap anggota yang layak dan 1% hibah keatas simpanan anggota-anggota sebagaimana yang dicadangkan oleh Lembaga serta meluluskan bayaran honorarium kepada Anggota Lembaga.
5. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan dan Belanjawan meliputi bagi tahun 2018 termasuk perbelanjaan anggota-anggota Lembaga.
6. Melantik panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi.
7. Menetapkan had maksima keterhutangan Koperasi sebanyak RM 500 juta bagi tahun 2017 / 2018 dengan kadar faedah tidak melebihi kadar pasaran semasa.
8. Menimbang & meluluskan skop & had pelaburan Koperasi bagi tahun 2017 / 2018.
9. Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.

Dengan Perintah Lembaga,



LT KOL RUSLI BIN DARIAH
Setiausaha
Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad

TARIKH: 7 JULAI 2017.

NOTA:

Tertakluk kepada undang-undang kecil 16, setiap anggota yang hadir akan menerima Elaun Kehadiran yang ditetapkan.

Undang-undang Kecil 16 memperuntukkan tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran penuh satu ratus ringgit syer dan yuran bulanan boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota semasa Mesyuarat Agung tersebut.

Anggota-anggota yang ingin penjelasan atau mengesyorkan mengenai sesuatu, adalah dikehendaki menghantar pertanyaan mereka itu secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat tersebut diadakan.

Pendaftaran akan bermula pada jam 7.00 pagi dan dijangka tamat pada jam 11.00 pagi.

ANGGOTA-ANGGOTA YANG MASIH BELUM MENERIMA NOTIS DAN LAPORAN TAHUNAN 2016 DALAM BENTUK CAKERA PADAT (CD) BOLEHLAH MENGHUBUNGI KOPERASI DI ALAMAT DI ATAS ATAU MENDAPATKANNYA MELALUI LAMAN WEB KOPERASI (www.kpatb.com.my)

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-46

Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad

yang telah diadakan di Auditorium Wisma Felcra,
Jalan Rejang, Setapak Jaya, Kuala Lumpur
pada Ahad 22 Mei 2016 jam 11.00 pagi.

KEHADIRAN

Seramai 2,837 orang anggota telah hadir termasuk 9 Anggota Lembaga Koperasi (ALK) 2015/2016 iaitu:-

Kol Hj Mohammad Haris bin Yusop (Bersara) (N/A:07720)	Pengerusi
Kapt Ahmad Tormudi bin Ja'afar (Bersara) (N/A:06076)	Naib Pengerusi
Lt Kol Rusli bin Dariah (N/A:13625)	Setiausaha
En Samsuddin bin Ahmad (N/A:18161)	Bendahari
Lt Kol Hj Ishak bin Hj Marulah (Bersara) (N/A:13879)	Anggota Lembaga
Mej Hj Elias bin Hj. Abdul Ghani (N/A:26284)	Anggota Lembaga
PW1 Hawariah binti Yusof (N/A:18710)	Anggota Lembaga
En Kamal bin Ahmad (N/A:18090)	Anggota Lembaga
En Roslan bin Drashid (N/A:19414)	Anggota Lembaga

Turut Hadir:

Lt Kol Hj Rosni bin Ujang (N/A:18695)	Penasihat Kewangan
Tn Hj Mohd Fauzi bin Abdullah	Ketua Pegawai Eksekutif
Pn Norazlina binti Abu Bakar	Pen. Pengarah Nasional F (SKM)

PENDAHULUAN

Ini adalah Mesyuarat Agung Tahunan Ke 46 Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPATB).

- a. Mesyuarat Agung Tahunan kali ini dirasmikan oleh Brig Jen Abdul Hadi bin Md Sharif, Pengarah Jabatanarrah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT).
- b. Mesyuarat kali ini telah dipengerusikan oleh Kol Hj Mohammad Haris bin Yusop (Bersara) yang telah diberi mandat di bawah undang-undang kecil 34 (1) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung kali ini.
- c. Beliau seterusnya meminta mana-mana yang bukan anggota Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPATB) kecuali para jemputan supaya meninggalkan auditorium ini bagi melicinkan perjalanan mesyuarat sebelum mesyuarat dimulakan.
- d. Pengerusi seterusnya mengisyiharkan jumlah kehadiran anggota sehingga jam 11.00 pagi adalah seramai 2,837 orang daripada jumlah anggota 11,095 orang anggota yang layak sehingga 22 April 2016.
- e. Kehadiran tersebut adalah mencukupi untuk korum mesyuarat mengikut Jadual VI, Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 iaitu satu perdua belas dari jumlah anggota atau 650 orang mengikut mana yang kurang.
- f. Notis pencalonan bagi penamaan calon Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah diiklankan dalam akhbar Berita Harian pada 22 Februari 2016 dan tarikh tutup pencalonan pada 7 Mac 2016.

- g. Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi perlantikan ALK di bawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993 sepetimana terkandung dalam garis panduan yang ditetapkan (GP3) bagi semua calon-calon ALK melalui surat SKM bertarikh 15 April 2016.
- h. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengesahkan kesemua 5 calon layak bertanding sebagai ALK melalui surat tersebut.
- i. Notis pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-46 telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 22 April 2016.
- j. Notis Mesyuarat Agung Tahunan telah disiarkan di dalam Berita Harian bertarikh 5 Mei 2016.
- k. Pengerusi memaklumkan notis dan laporan tahunan dalam bentuk cakera padat kepada anggota telah dihantar mulai 6 Mei 2014. Notis dan laporan tersebut juga boleh diakses dan dimuat naik dalam laman web Koperasi (www.kpatb.com.my) mulai hari yang sama.

AGENDA 1: MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA KOPERASI DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 1.1 Selaras dengan arahan Pekeling Ketua Pendaftar Bil. 1/2003 bertarikh 1 Julai 2003 (Para 3.2.2 Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi) mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik enam orang anggota berikut menganggotai Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan iaitu :-

Bil	Anggota yang dipilih	Dicadang	Disokong
1.	Lt Kol Mohd Edafi bin Daud (N/A: 27415)	Zaifulshahril bin Zanal Abidin (N/A: 40680)	Norazilawati binti Awang Razali (N/A: 40960)
2.	Sjn (YoS) Mohd Syamsul bin Yusoff (N/A: 28791)	Mohd Johari bin Che Leh (N/A: 23200)	Joe bin Anang (N/A: 32034)
3.	Mej Baharudin bin Mohyedain (N/A: 13783)	Khairul Hazimin bin Abu (N/A: 40898)	Muhammad Saiyfol Harris bin Yahya (N/A: 38476)
4.	Sjn (YoS) Norazlina binti Mohd Nor (N/A: 26855)	Nazery bin Merican (N/A: 25607)	Joe bin Anang (N/A: 32034)
5.	A'li Ansori bin Mohamed Ganti (N/A: 32972)	Sjn (YoS) Norazlina binti Mohd Nor (N/A: 26855)	Norazilawati binti Awang Razali (N/A: 40960)
6.	Abdul Mutualib bin Zainal Abidin (N/A: 41778)	Mohd Imran bin Ijab (N/A: 12032)	Jairi bin Md Lajim (N/A: 39219)

- 1.2 Dicadangkan oleh Kisun bin Amat (N/A: 26957) dan disokong oleh Norazilawati binti Awang Razali (N/A: 40960). Pengerusi mengumumkan pemilihan penentusah minit mesyuarat ditutup.
- 1.3 Pelantikan empat anggota Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat dikalangan ALK akan dipilih oleh Lembaga selepas ini.

AGENDA 2: MEMILIH DAN MELANTIK TIGA ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI YANG BARU

- 2.1 Pengerusi memaklumkan mesyuarat agung kali ini akan memilih tiga orang ALK bagi mengisi kekosongan jawatan mengikut giliran sepetimana undang-undang kecil 37(1).
- 2.2 Sebanyak lima pencalonan diterima untuk mengisi tiga kekosongan ALK yang digugurkan mengikut giliran.
- 2.3 Ketua Arbitrator, Lt Kol Osman bin Chu Salleh (N/T: 3003256) mengumumkan keputusan pengiraan undi bagi pemilihan ALK adalah seperti berikut:-

2.3.1 Bilangan anggota yang mengundi	2,837 orang
2.3.2 Jumlah kertas undi keluarkan	8,511
2.3.3 Jumlah kertas undi yang sah	7,410
2.3.4 Jumlah kertas undi yang rosak/dibatalkan	960
2.3.5 Jumlah kertas undi tidak dikembalikan (tidak mengundi)	141
- 2.4 Beliau seterusnya mengumumkan keputusan pengundian bagi calon ALK adalah seperti berikut:-

Abjad	N/A	Calon ALK Yang Bertanding	Jumlah Undi
C	36000	PW1 Azmi bin Darus	1,609
P	19414	En Roslan bin Drashid	972
S	39814	Mej Makzam bin Ibrahim	2,343
X	18090	En Kamal bin Ahmad	1,511
Z	26284	Mej Hj Elias bin Abdul Ghani	975

- 2.5 ALK yang terpilih berdasarkan undi majoriti adalah seperti berikut:-

2.5.1 Mej Makzam bin Ibrahim (N/A: 39814)	2,343 undi
2.5.2 PW1 Azmi bin Darus (N/A:36000)	1,609 undi
2.5.3 En Kamal bin Ahmad (N/A:18090)	1,511 undi

AGENDA 3: MENGESAH DAN MELULUSKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-45 YANG DIADAKAN PADA 7 JUN 2015.

- 3.1 Pengerusi memaklumkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 45 bertarikh 7 Jun 2015 telah disemak dan ditentusahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang dilantik pada 29 Jun 2015 sepetimana pada muka surat 9 hingga 16 Laporan Tahunan 2015.
- 3.2 Memandangkan minit mesyuarat tersebut telah disemak dan ditentusahkan oleh jawatankuasa yang dipilih dan dilantik, Sjn Muhammad Saiyfol Harris bin Yahya (N/A:38476) seterusnya mencadangkan Minit Mesyuarat Tahunan Kali Ke-45 disahkan dan diluluskan. Cadangan beliau disokong oleh Kapt Mohd Imran bin Ijab (N/A:12032).

**AGENDA 4: MENIMBANG AKAUN-AKAUN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31
DISEMBER 2015 SERTA LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, JAWATANKUASA
AUDIT DALAMAN DAN PANDANGAN SKM (BAGI AKAUN TERAUDIT)
SERTA MENGISYIHARKAN 10% DIVIDEN KE ATAS YURAN DAN SYER
BAGI RM 50,000 PERTAMA DAN 1% BAGI SELEBIHNYA KEPADA
SETIAP ANGGOTA YANG LAYAK DAN 1% HIBAH KE ATAS SIMPANAN
ANGGOTA-ANGGOTA SEBAGAIMANA YANG DICADANGKAN OLEH
LEMBAGA SERTA MELULUSKAN BAYARAN HONORARIUM KEPADA
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI.**

- 4.1 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 sepatimana pada muka surat 37 hingga 67 kepada Buku Laporan Tahunan 2015, Laporan Lembaga Koperasi (muka surat 17 hingga 26), Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) muka surat 27 hingga 34 serta Jawapan Kepada Laporan JKAD (muka surat 35 dan 36) dan Pandangan SKM bagi kewangan tahun berakhir 2013 dan 2014 (muka surat 68 hingga 70) serta bagi kewangan tahun berakhir 31 Disember 2015 bertarikh 11 Mei 2016 sepatimana yang diedar dibentangkan.
- 4.2 Pengurus menjelaskan bahawa hasil Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara luar biasa kecuali perolehan dari jualan syer Hillcrest Gardens Sdn. Bhd yang menghasilkan keuntungan sebanyak RM23,402,100. Syer tersebut dibeli sebanyak 325,000 unit dengan kos sebanyak RM 357,500 pada Oktober 1976 dan tambahan syer bonus sebanyak 650,000 unit pada Januari 1995 dijual kepada Kouk Brothers Sdn Bhd, South West Holdings dan Frank Tsao Co Bahamas pada harga RM 24 juta.
- 4.3 Berdasarkan Pandangan SKM bertarikh 11 Mei 2016, pelarasan akaun untung rugi akan dibuat selaras keperluan Akta Koperasi yang melibatkan peruntukan hutang rugu berjumlah RM 4.3 juta yang sepatut dicaj ke akaun untung rugi, pindaan peruntukan honorarium kepada RM 150 ribu, pelarasan dividen dan hutang lapuk (yang sebenarnya pelarasan keuntungan terakru bagi Masjid Saidina Ali sebanyak RM 1 juta) melibatkan pelarasan akaun pembahagian berkanun. Justeru itu, keuntungan yang ditunjukkan sebanyak RM 22.6 juta sepatutnya RM 18.3 juta dengan mengambil kira pelarasan tersebut.
- 4.4 Pengurus merujuk muka surat 38 Laporan Tahunan 2015 bagi Laporan Berkanun, Lembaga bercadang mengagihkan dividen sebanyak 10% ke atas Modal Yuran dan Modal Syer kepada anggota-anggota yang mempunyai yuran dan syer RM 50,000 dan ke bawah dan selebihnya sebanyak 1% di mana jumlah keseluruhannya RM 3.1 juta. Merujuk pandangan dan ulasan SKM bertarikh 11 Mei 2016, Lembaga juga bercadang membayar honorarium sebanyak RM 150,000 kepada semua ALK yang berkhidmat dalam tahun tersebut. Koperasi juga akan menambah peruntukan sebanyak RM 140,000 kepada Kumpulan Wang Penebusan Syer.
- 4.5 Peningkatan kadar dividen diberi kepada anggota memandangkan keuntungan luar biasa diperoleh sebanyak RM 18.3 juta berbanding tahun 2014 hanya RM 1.55 juta. Pengagahan dividen sebanyak 10 sen sesaham berdasarkan keuntungan tersebut ditolak pembahagian berkanun sebanyak RM 2.7 juta dan baki keuntungan sebanyak RM 15.6 juta dibahagikan kepada jumlah yuran dan syer terkumpul sebanyak RM 55.4 juta yang sepatutnya 28 sen sesaham. Diharapkan prestasi kewangan Koperasi akan bertambah baik pada tahun ini dan tahun akan datang bagi mengekalkan kadar dividen tersebut.
- 4.6 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) bertarikh 18 April 2016 dan jawapan kepada laporan tersebut sepatimana pada muka surat 27 hingga 36 buku laporan tahunan tersebut.
- 4.7 En Ab Aziz bin Abdul Hadi (N/A: 24011) mencadangkan laporan kewangan ini diluluskan dengan pelarasan sepatimana pandangan SKM bertarikh 11 Mei 2016. Cadangan beliau disokong oleh En Kisun bin Amat (N/A: 26957).

AGENDA 5: MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2017 TERMASUK PERBELANJAAN ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 5.1 Agenda 5 dibentangkan seperti mana di muka surat 71 buku Laporan Tahunan 2015.
- 5.2 Puan Norazilawati binti Awang Razali (N/A:40960) mencadangkan supaya anggaran pendapatan dan belanjawan bagi tahun 2017 diluluskan. Cadangan beliau disokong oleh Sjn Mohd Jan bin Konglin (N/A:25582).

AGENDA 6: MELANTIK PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

- 6.1 Pengurus mencadangkan empat firma juruaudit luar Koperasi bagi tahun ini iaitu AljeffriDean, A Razak & Co, MNZ Waja Associates dan Atarek Kamil Ibrahim & Co sebagai panel untuk mengaudit akaun Koperasi bagi tahun 2016.
- 6.2 En Nek Lah bin Yusof (N/A:40880) mencadangkan Lembaga Koperasi diberi mandat untuk melantik panel juruaudit luar bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi seperti yang dicadangkan di atas. Cadangan itu telah disokong oleh Kpl Noor Kosindawaty binti Kosnan (N/A: 26879).

AGENDA 7: MENETAPKAN HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN KOPERASI SEBANYAK RM 500 JUTA BAGI TAHUN 2016/2017 DENGAN KADAR FAEDAH TIDAK MELEBIHI KADAR PASARAN SEMASA

- 7.1 Agenda ini dibacakan sekali dengan Agenda 8.
- 7.2 Pengurus membentangkan had maksima keterhutangan seperti yang dinyatakan di dalam muka surat 72, Buku Laporan Tahunan 2015 adalah seperti berikut:

7.2.1 Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti pembiayaan kepada anggota	RM 300 juta
7.2.2 Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti pelaburan, perumahan, pembinaan, pembangunan dan pertanian	RM 130 juta
7.2.3 Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti perniagaan, pembekalan dan perusahaan	RM 50 juta
7.2.4 Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti perkhidmatan, pelancongan dan pengangkutan	RM 20 juta
JUMLAH HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN	RM 500 juta
- 7.3 Lembaga akan mendapatkan kelulusan dari pihak SKM terlebih dahulu sebelum pinjaman luar diperolehi.
- 7.4 Mesyuarat seterusnya bersetuju sebulat suara menetapkan had maksima keterhutangan Koperasi sebanyak RM500 juta melalui cadangan En Syed Mohamed Hafiz bin Syed Mohamed Rashid (N/A: 40887) dan disokong oleh En Muhammad Saiyfol Harris bin Yahya (N/A: 38476).

AGENDA 8 :MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI BAGI TAHUN 2016/2017

- 8.1 Pengerusi membentangkan perihal skop dan had pelaburan setiap projek atau aktiviti yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :-

8.1.1 Aktiviti pembiayaan kepada anggota	RM 300 juta
8.1.2 Aktiviti pelaburan, perumahan, pembinaan, pembangunan dan pertanian	RM 130 juta
8.1.3 Aktiviti perniagaan, pembekalan dan perusahaan	RM 50 juta
8.1.4 Aktiviti perkhidmatan, pelancongan dan pengangkutan	RM 20 juta
JUMLAH HAD PELABURAN	RM 500 juta

- 8.2 Mesyuarat seterusnya bersetuju sebulat suara skop dan had pelaburan Koperasi sebanyak RM500 juta tersebut melalui cadangan En Syed Mohamed Hafiz bin Syed Mohamed Rashid (N/A: 40887) dan disokong oleh En Muhammad Saiyfol Harris bin Yahya (N/A: 38476).

AGENDA 9: MENDENGAR, MENIMBANG DAN MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASIINI YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN

- 9.1 Pengerusi memaklumkan hanya satu usul yang diterima daripada Sjn (YoS) Mohd Syamsul bin Yusoff (N/A:28791) pada 16 Mei 2016. Manakala terdapat tiga usul daripada Lembaga untuk dibahas dan diluluskan pada mesyuarat hari ini. Usul-usul tersebut sebagaimana sisipan yang diedarkan bersama Buku Laporan Tahunan 2015.
- 9.2 Sjn (YoS) Mohd Syamsul bin Yusoff (N/A:28791) mengusulkan supaya menaikkan jumlah pengeluaran simpanan di kaunter Koperasi Perumahan Angkatan Tentera (KPAT) daripada RM 50 ke RM 300 secara tunai bagi memudahkan anggota yang datang dari jauh mendapatkan wang dengan kadar segera.
- 9.3 Justifikasi usul tersebut dibuat berdasarkan cek bagi Affin Bank dan Bank Muamalat tidak banyak cawangan. Cadangan makluman awal diberikan kepada Koperasi bagi pengeluaran secara tunai melebihi had dibenarkan.
- 9.4 Pihak Lembaga memahami kesulitan yang dialami oleh anggota-anggota yang datang dari jauh untuk mengeluarkan wang simpanan mereka. Namun hanya sebanyak RM 50 sahaja diberangkan dibayar secara tunai. Selebihnya akan dikeluarkan melalui cek atau dikredit ke akaun bank masing-masing. Demi keselamatan yang lebih diutamakan kita terpaksa mengurangkan keselesaan. Itulah yang telah diputuskan sebulat suara oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada 8 Jun 2014 yang menghadkan tunai di tangan dalam sesuatu masa oleh Koperasi tidak lebih RM 5,000 dan bayaran secara tunai boleh dibuat setakat RM 50 sahaja. Terpulang kepada keputusan hari ini untuk meminda atau mengekalkan keputusan yang dibuat pada dua tahun lalu.
- 9.4 Setiausaha menjelaskan tentang kesulitan yang dihadapi oleh Koperasi jika menerima usul untuk mengeluarkan bayaran simpanan sebanyak RM 300 secara tunai kerana peruntukan tunai di tangan sebanyak RM 5,000 dalam sesuatu masa hanya mampu diberikan kepada beberapa orang sahaja. Kakitangan terpaksa lebih kerap untuk ke bank bagi menunaikan cek untuk pengeluaran berikutnya. Satu kes kecurian pernah berlaku di mana peti besi Koperasi telah dilarikan dan Koperasi telah mengalami kerugian sebanyak RM 14,000 pada tahun 2014.

- 9.5 Walau bagaimanapun, ALK bersetuju untuk menaikkan jumlah pengeluaran simpanan secara tunai kepada RM 100 dan mengekalkan jumlah tunai di tangan dalam sesuatu masa tidak melebihi RM 5,000 sahaja. Cadangan tersebut telah disokong sebulat suara oleh anggota Koperasi.
- 9.6 Lembaga membentangkan tiga usul untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan hari ini iaitu :-
 - 9.6.1 Membuka cawangan Koperasi di Kota Bharu, Kelantan untuk memberi perkhidmatan kepada anggota-anggota di pantai timur ;
 - 9.6.2 Menaikkan sumbangan Khairat Kematian kepada waris anggota-anggota yang meninggal dunia daripada RM 1,500 kepada RM 2,000 berkuatkuasa mulai 1 Jun 2016 ; dan
 - 9.6.3 Menukar cadangan penubuhan anak syarikat 100% milik Koperasi iaitu KPAT Hotel & Resort Sdn Bhd sepetimana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan pada 7 Jun 2015 kepada KPAT Resources Sdn Bhd atau sama dengannya bagi meluaskan bidang perniagaan yang boleh diceburi oleh Koperasi melalui anak syarikat yang tidak khusus perniagaan perhotelan dan resort sahaja.
- 9.7 En Syed Mohamed Hafiz bin Syed Mohamed Rashid (N/A: 40887) mencadangkan agar ketiga-tiga usul tersebut diluluskan dan disokong oleh En Mohd Azhar bin Mohd Tajudin (N/A:41886).

PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir juga tahniah kepada Mej Makzam bin Ibrahim (N/A: 39814), PW1 Azmi bin Darus (N/A:36000) dan En Kamal bin Ahmad (N/A:18090) yang terpilih sebagai ALK. Beliau berharap agar semua ALK dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memajukan Koperasi dengan pencapaian lebih baik lagi. Pengerusi memberi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama kepada beliau sepanjang mempengerusikan Mesyuarat Agung kali ini. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.42 petang.

LAMPIRAN

Kepada Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 46
22 Mei 2016

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENENTUSAH
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 46
YANG MENYEMAK DRAF MINIT PADA 15 JUN 2016**

Bil	No. Anggota	Nama Anggota Jawatankuasa	Tandatangan
1	07720	Kol Hj Mohamad Haris bin Yusop (Bersara)	
2	13879	Lt Kol Hj Ishak bin Marulah (Bersara)	
3	18161	Encik Samsuddin bin Ahmad	
4	18710	PW I Hawariah binti Yusof	
5	27415	Lt Kol Mohd Edafi bin Daud	
6	13783	Mej Baharudin bin Mohyedeen	
7	41778	PW I Abdul Mutalib bin Zainal Abidin	
8	28791	Sjn (YoS) Mohd Syamsul bin Yusoff	
9	26855	Sjn (YoS) Norazlina bt Mohd Nor	
10	32972	Kpl A'li Ansori bin Mohd Ganti	

KUALA LUMPUR
15 JUN 2016 / 10 RAMADHAN 1437

LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan, penyata dan akaun-akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

1. SUASANA SEMASA & SENARIO 2016

- 1.1 Syukur alhamdulillah di atas segala nikmat dan kurniaan Ilahi, Koperasi masih lagi dapat mengekalkan prestasi keuntungan sepetimana tahun-tahun terdahulu. Walaupun keuntungan yang dicapai hari ini tidak setanding dengan tahun sebelumnya namun Koperasi masih lagi mampu mengekal prestasi keuntungan yang berterusan. Kejayaan ini tidak mampu diperolehi tanpa perancangan serta usaha gigih semua pihak yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung. Namun masih banyak lagi ruang yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa dalam menghadapi pelbagai cabaran di masa akan datang.
- 1.2 Di kesempatan ini Koperasi ingin merakamkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada anggota Koperasi yang sentiasa menyokong dan memberi komitmen yang tidak berbelah bahagi dari dulu hingga kini. Dalam menghargai sokongan dan kesetiaan para anggota ini, Koperasi dengan ini berbesar hati mengisyiharkan agihan dividen sebanyak 7% bagi tahun 2016 melibatkan peruntukan dividen sebanyak RM 2.08 juta.
- 1.3 Koperasi merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM 3.28 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Keuntungan yang diperolehi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh aktiviti pembiayaan anggota. Berdasarkan perolehan pendapatan bagi tahun 2016, pendapatan daripada aktiviti pembiayaan merekodkan peningkatan sebanyak 81.8% dari RM 4.48 juta bagi tahun 2015 kepada RM 8.15 juta bagi tahun 2016. Aktiviti pembiayaan telah sekian lama menjadi pemangkin utama bagi Koperasi dalam meniti arus pembangunan perniagaan kini dan masa hadapan. Koperasi sentiasa mencari mekanisma yang sesuai dan terbaik dalam mengekalkan serta menaikkan lagi aktiviti pembiayaan ini di masa-masa akan datang.
- 1.4 Koperasi juga sentiasa berdepan dengan cabaran dari segi aliran tunai, kelayakan serta syarat-syarat pembiayaan yang lebih ketat yang disyaratkan oleh agensi-agensi terlibat yang mana ianya mampu merjejaskan sumber perolehan pendapatan Koperasi sekiranya tidak ditangani secara berhemah. Kerjasama dan pengkongsian maklumat antara agensi-agensi terlibat memainkan peranan yang amat penting dalam mengatasi cabaran ini.

2. PELABURAN DAN HARTANAH

- 2.1 Berdasarkan laporan kewangan bagi tahun berakhir 2016, menunjukkan peningkatan pelaburan hartanah sebanyak 15.6% dari RM 39.4 juta kepada RM 45.5 juta. Kenaikan ini disebabkan oleh salah satu faktornya adalah pembelian lot kedai di Setiawangsa Business Suite dan juga Execella Business Park di Ampang. Pembelian ini diharapkan dapat meningkatkan perolehan pendapatan khususnya dari segi sewaan.
- 2.2 Selain itu juga sebahagian perolehan pendapatan dari aktiviti pelaburan hartanah direkodkan dalam laporan kewangan 2016 hasil dari penjualan 2 unit rumah kedai di Seberang Perai, Pulau Pinang dan 2 unit rumah kedai di Puchong, Selangor.
- 2.3 Pelaburan hartanah bagi perumahan Koruss Amandani di Pulau Indah yang terdiri dari 30 unit rumah dijangka akan dikawal selia sepenuhnya oleh pihak Koperasi selepas ini khususnya dari segi sewaan dan pengurusan.

- 2.4 Pelaburan harta tanah di Bandar Puteri Jaya, Sg. Petani yang terdiri dari 8 unit lot kedai di dalam perancangan untuk dijual bagi mengukuhkan lagi aliran tunai Koperasi. Keuntungan dijangka dicapai berdasarkan nilai harta tanah di kawasan ini yang semakin meningkat dari masa ke semasa.
- 2.5 Pelaburan harta tanah Nur Lembah Lenggong, Perak ketika ini diurus-selia sepenuhnya oleh pihak Koperasi. Perancangan dari segi menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti tempat penginapan, kafe, surau tandas, laluan keluar masuk, dan lain-lain sentiasa dititikberatkan bagi menarik lebih ramai pengunjung menjalani program yang ditawarkan oleh pihak Koperasi.

3 PRESTASI

3.1 Keanggotaan

- 3.1.1 Statistik dari segi jumlah kemasukan anggota baru Koperasi menunjukkan peningkatan yang memberansangkan iaitu sebanyak 194.0% daripada 762 orang pada tahun 2015 kepada 2,240 orang pada tahun 2016. Manakala bilangan anggota berhenti dilihat berlaku kenaikan sebanyak 35% daripada 1,313 orang bagi tahun 2015 kepada 1,772 orang bagi tahun 2016. Kenaikan juga berlaku bagi anggota yang meninggal dunia iaitu daripada 9 orang bagi tahun 2015 kepada 11 orang bagi tahun 2016. Dari segi keseluruhan, jumlah keseluruhan bilangan keanggotaan Koperasi di rekodkan berlaku penurunan iaitu sebanyak 3.5% dari 15,623 orang kepada 11,841 orang pada tahun berakhir 31 Disember 2016. Jurang perubahan yang besar ini adalah disebabkan oleh pelarasan dibuat tahun ini ke atas senarai anggota bagi tahun-tahun terdahulu.
- 3.1.2 Dari segi modal caruman yuran anggota menunjukkan penurunan iaitu sebanyak 27.7% berbanding tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak RM 12 juta daripada jumlah caruman yuran RM 53.7 juta kepada RM 41.7 juta. Peratusan penurunan disebabkan pelarasan dibuat ke atas modal yuran anggota bagi tahun-tahun terdahulu. Manakala bagi modal syer anggota pula juga menunjukkan kenaikan sebanyak 4.5% daripada RM 1.64 juta bagi tahun 2015 kepada RM 1.72 juta bagi tahun 2016. Komposisi modal syer dan caruman yuran mengikut agihan yang sama sepertimana tahun terdahulu di mana nisbah bilangan anggota yang ramai menguasai syer dan caruman yuran minoriti dan sebaliknya.
- 3.1.3 Komposisi agihan bilangan keanggotaan dan pegangan caruman dan syer boleh dirujuk kepada statistik dan geraf yang disertakan.

3.2 Pembiayaan Pinjaman

- 3.2.1 Tahun 2016 merekodkan jumlah pengeluaran pembiayaan kepada anggota sebanyak RM 42.6 juta melibatkan seramai 5,254 bilangan pinjaman. Berdasarkan rekod pengeluaran pembiayaan bagi tahun ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM 24.02 juta bersamaan dengan 129% berbanding tahun 2015.

Tahun	Bilangan Pinjaman	Jumlah Pinjaman
2016	5,254	RM 42.64 juta
2015	2,818	RM 18.62 juta
2014	1,531	RM 13.93 juta
2013	2,035	RM 17.32 juta
2012	2,143	RM 23.56 juta

- 3.2.2 Pertambahan dari segi pengeluaran pembiayaan ini adalah disebabkan suntikan modal yang diperolehi dari institusi kewangan tempatan yang mana ianya memberi impak yang positif ke arah peningkatan dari segi perolehan pendapatan Koperasi. Justeru ianya dapat meningkatkan lagi keuntungan Koperasi dan secara tidak langsung dapat memberi pulangan bermanfaat dari segi agihan dividen kepada anggota Koperasi.

3.3 Penyeliaan & Kutipan

- 3.3.1 Jumlah kutipan ansuran bayaran balik merekodkan peningkatan sebanyak 11.8% daripada RM 17.86 juta bagi tahun 2015 kepada RM 19.96 juta bagi tahun 2016.
- 3.3.2 Statistik rekod kutipan bagi ansuran bayaran balik pinjaman dan caruman yuran anggota melalui potongan gaji bagi tempoh 5 tahun terdahulu adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Kutipan melalui Potongan Gaji
2016	RM 19.96 juta
2015	RM 17.86 juta
2014	RM 21.55 juta
2013	RM 26.12 juta
2012	RM 30.97 juta

3.4 Prestasi Kewangan

- 3.4.1 Berdasarkan laporan kewangan tahun 2016, analisis prestasi kewangan menunjukkan perolehan pendapatan diperolehi hasil dari peningkatan dalam pengeluaran pembiayaan kepada anggota walaupun statistik keanggotaan menunjukkan penurunan dari segi bilangan keanggotaan berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti pembiayaan dilihat sebagai penyumbang utama perolehan pendapatan bagi Koperasi, justeru Koperasi harus mencari formula terbaik bagi aktiviti perniagaan-perniagaan lain. Kebergantungan kepada hanya satu sumber pendapatan boleh membawa kepada risiko kegagalan kepada Koperasi dalam memastikan keuntungan yang berterusan.
- 3.4.2 Kajian terhadap analisis risiko serta kadar pulangan sentiasa dititikberatkan oleh Koperasi bagi mengelakkan berlakunya risiko kerugian khususnya dalam pelaburan harta tanah dan juga pembiayaan anggota. Di samping itu aliran tunai juga harus dikawalselia sentiasa bagi memastikan operasi Koperasi berjalan di atas landasan yang betul dan lancar.
- 3.4.3 Bagi tahun kewangan berakhir 2016, keuntungan yang di catatkan adalah sebanyak RM 3.28 juta berbanding RM 22.65 juta bagi tahun 2015. Lonjakan keuntungan dicapai bagi tahun 2015 adalah disebabkan perolehan pendapatan diperolehi dari hasil jualan dalam pelaburan saham tak siarharga. Manakala bagi tahun 2016, keuntungan yang diperolehi dicapai adalah dari sumber aktiviti pembiayaan kepada anggota khususnya.
- 3.4.4 Berdasarkan lapuran kewangan berakhir 2016, kos perbelanjaan pentadbiran Koperasi mencatatkan penurunan sebanyak 14.7% iaitu daripada RM 4.02 juta bagi tahun 2015 kepada RM 3.43 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Di antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya pengurangan kos pentadbiran ini adalah faktor pelupusan ke atas hutang lapuk khususnya pelupusan penghutang-penghutang perdagangan. Dari segi kos kewangan pula merekodkan kenaikan sebanyak 27.3% daripada RM 2.20 juta pada tahun 2015 kepada RM 2.80 juta bagi tahun 2016. Kenaikan ini disebabkan kemudahan pinjaman diterima dari institusi kewangan dalam memastikan konsistensi aktiviti pembiayaan kepada anggota serta pengukuhan aliran tunai dalam menguruskan pentadbiran dan operasi harian Koperasi.

- 3.4.5 Keuntungan bersih yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori sebanyak 12% iaitu sebanyak RM 0.39 juta menjadikan jumlah terkumpul rizab statutori berjumlah RM 9.01 juta. Penurunan menunjukkan sebanyak 8.3% daripada RM 9.82 juta bagi tahun 2015 kepada RM 9.01 juta setahun.
- 3.4.6 Bagi tahun 2016, agihan keuntungan kepada anggota dalam bentuk bayaran dividen masih lagi dianggap realistik walaupun berlaku sedikit penurunan iaitu daripada 10% bagi tahun 2015 kepada 7% bagi tahun 2016. Penurunan agihan bayaran dividen dibuat berdasarkan prestasi keuntungan semasa Koperasi sepertimana dinyatakan dalam para 1.1.3. Agihan dividen ini melibatkan peruntukan bayaran dividen berjumlah RM 2.08 juta berbanding tahun lalu sebanyak RM 3.08 juta. Berikut adalah statistik kadar dividen, modal anggota (syer dan yuran), jumlah peruntukan dan bilangan anggota:-
- 3.4.7 Nilai aset semasa bersih tahun 2016 merekodkan peningkatan sebanyak 69% iaitu daripada RM 4.45 juta kepada RM 7.52 juta bagi tahun 2016. Penurunan ini adalah disebabkan berlaku peningkatan direkodkan dari segi pembiayaan anggota, kos perkhidmatan pinjaman terakru serta pengurangan dari segi kepelbagaiannya pembiayaan dan akruan serta dividen dicadangkan. Manakala bagi nisbah kecairan pula meningkat kepada 1: 1.32 berbanding 1: 1.17 pada tahun 2016 di mana ia masih menunjukkan tahap kecairan aset semasa masih lagi kukuh.
- 3.4.8 Penurunan sebanyak 3% direkodkan dalam jumlah aset bersih dari 110.07 juta bagi tahun 2015 kepada RM 106.85 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Penurunan direkodkan dari segi modal yuran dan syer iaitu dari RM 55.35 juta kepada RM 43.42 juta yang mana menunjukkan nilai harta bersih (NAV) sesaham meningkat sebanyak 23.7% berbanding tahun 2015 ekoran pertumbuhan tidak seimbang bagi modal (syer dan yuran anggota) berbanding penurunan harta dan kenaikan keuntungan Koperasi yang mencatatkan prestasi nilai seperti berikut:-

2016	:	RM 2.46 sesaham
2015	:	RM 1.99 sesaham
2014	:	RM 1.79 sesaham
2013	:	RM 1.76 sesaham
2012	:	RM 1.80 sesaham

- 3.4.9 Kadar pulangan ke atas syer (EPS) pula menurun sebanyak 80.5% bersamaan RM 0.33 iaitu dari RM 0.41 sesaham bagi tahun 2015 kepada RM 0.08 sesaham bagi tahun 2016. Perubahan besar di sebabkan keuntungan bersih luarbiasa dicatat pada tahun 2015. Berikut rekod pulangan ke atas syer (EPS) bagi tempoh lima tahun sebelumnya:-

Tahun	Keuntungan Bersih	Jumlah Syer & Yuran	EPS
2016	RM 3,281,877	RM 43,423,585	RM 0.08
2015	RM 22,647,707	RM 55,353,598	RM 0.41
2014	RM 1,552,627	RM 55,776,837	RM 0.03
2013	RM 881,266	RM 56,666,995	RM 0.02
2012	RM 947,024	RM 56,353,290	RM 0.02

- 3.4.10 Berdasarkan analisis kewangan bagi tahun berakhir 2016, peratusan prestasi dan pencapaian kewangan Koperasi di lihat masih berada di landasan yang betul dan mampu mencapai kejayaan di masa akan datang. Namun Koperasi tidak sekali-kali leka dengan kejayaan yang dicapai hari ini kerana masih banyak dugaan dan cabaran yang harus ditempuhi dalam meletakkan Koperasi sebaris dengan koperasi lain di masa akan datang.

4 MODAL INSAN

- 4.1 Secara rasional perubahan teknologi sentiasa berlaku dari masa ke semasa justeru Koperasi tidak ketinggalan dalam menaiktaraf penggunaan teknologi dalam operasi harian. Namun kepentingan dan keperluan modal insan tidak pernah dinafikan kerana ianya amat penting dalam sesuatu organisasi, tanpa modal insan ini objektif sesuatu organisasi sukar dicapai. Penggunaan teknologi dan keperluan modal insan adalah pelengkap satu sama lain dalam mencapai matlamat dan kejayaan bagi Koperasi. Penyediaan program dan latihan yang berterusan mampu melahirkan tenaga kerja yang mahir dan berinovasi dalam mengharungi cabaran Koperasi pada masa akan datang.

5 MASA DEPAN

- 5.1 Dalam memastikan visi dan misi dapat dilaksanakan mengikut perancangan, kajian risiko terutama dalam aktiviti perniagaan perlu di titikberatkan setiap masa bagi mengelakkan Koperasi terjerumus ke arah risiko kerugian yang boleh menjelaskan integriti Koperasi. Koperasi sentiasa mencari peluang baru dalam aktiviti perniagaan selain dari memperkuuhkan lagi aktiviti yang sedia ada khususnya aktiviti pembiayaan anggota dan juga aktiviti pelaburan harta tanah. Kelemahan dan kekurangan ketika ini harus dikenalpasti dan diatasi secara berhemah dalam memastikan objektif dan matlamat Koperasi dapat direalisasikan.


6 PENGHARGAAN

- 6.1 Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam pelbagai bentuk demi kemajuan dan kejayaan Koperasi ini.
- 6.2 Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di atas pandangan, sokongan, panduan dan bantuan yang diberikan bagi membolehkan Koperasi ini terus maju dan berdaya saing ke hadapan serta berada di landasan yang betul. Di kesempatan ini saya ingin mengucap ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan di semua peringkat di atas kesungguhan dan dedikasi yang ditunjukkan dalam memikul tanggungjawab yang di amanahkan sehingga mampu meletakkan Koperasi berada di tahap yang membanggakan.
- 6.3 Apa jua bentuk sokongan dan komitmen yang diberikan oleh anggota termasuk idea dan pandangan sentiasa dialu-alukan dalam melahirkan cetusan ideologi, inovasi dan kreativiti dalam menjadikan sesuatu impian kepada realiti.
- 6.4 Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sejawat saya di dalam Anggota Lembaga Koperasi kerana memberi kerjasama, idea, panduan, dan nasihat yang tidak ternilai dan Penasihat Kewangan Koperasi, pihak Juruaudit Dalam dan Luar dan tuan-puan anggota-anggota Koperasi.
- 6.5 Semoga Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad akan terus berdaya maju, gemilang, terbilang dan terus berkembang dalam menyahut cabaran yang lebih besar lagi di masa akan datang. Insya Allah.


Sekian, wassalam.

KOL HJ MOHAMAD HARIS BIN YUSOP (BERSARA)
Pengerusi

BILANGAN ANGGOTA KPATB







JUMLAH SYER DAN CARUMAN YURAN ANGGOTA



STATISTIK KEANGGOTAAN BAGI TAHUN 2016

KATEGORI SYER & YURAN	BIL ANGGOTA	PERATUS %	SYER & YURAN %	PERATUS %
KURANG RM100	14	0.12	1,260.00	0.00
RM100 - 500	2,327	19.65	568,740.00	1.31
RM501 - 1000	768	6.49	492,290.00	1.13
RM1,001 - 2,000	921	7.78	1,514,577.71	3.49
RM2,001 - 3,000	4,073	34.40	10,971,504.15	25.27
RM3,001 - 4,000	640	5.40	2,224,064.99	5.12
RM4,001 - 5,000	602	5.08	2,718,184.61	6.26
RM5,001 - 10,000	1,900	16.05	15,552,853.29	35.82
RM10,001 - 50,000	580	4.90	8,376,973.31	19.29
RM50,001 - 69,999	13	0.11	725,927.16	1.67
RM70,000 KE ATAS	3	0.03	277,209.78	0.64
JUMLAH	11,841	100	43,423,585.00	100





STATISTIK

STATISTIK PENGETAHUAN PEMBIAYAAN

2015 - 2016

BULAN	PEMBIAYAAN INDIVIDU		PEMBIAYAAN INDIVIDU	
	2016		2015	
	BIL	RM	BIL	RM
JAN	346	2,899,500	88	1,065,300
FEB	582	5,073,300	63	973,200
MAC	685	6,459,380	262	1,442,700
APR	444	3,452,600	351	2,494,200
MEI	587	4,403,850	370	2,327,900
JUN	818	6,350,400	447	2,444,000
JUL	403	3,202,900	418	2,092,600
OGOS	386	3,016,900	132	646,500
SEP	380	3,033,080	130	854,500
OKT	230	1,701,300	180	1,270,900
NOV	168	1,268,500	106	645,700
DIS	225	1,778,400	271	2,358,800
JUMLAH	5,254	42,640,110	2,818	18,616,300

REKOD KUTIPAN MELALUI UGAT DAN BPA

2015 - 2016

BULAN	JUMLAH KUTIPAN		JUMLAH KUTIPAN	
	POTONGAN GAJI		POTONGAN GAJI	
	2016		2015	
BULAN	BIL	RM	BIL	RM
JAN	11,096	1,385,183	12,346	1,642,357
FEB	10,977	1,369,338	12,278	1,602,798
MAC	10,883	1,347,065	12,112	1,549,296
APR	10,956	1,435,664	11,842	1,484,976
MEI	11,023	1,533,280	11,772	1,464,140
JUN	11,084	1,603,407	11,676	1,444,346
JUL	11,263	1,696,475	11,616	1,445,613
OGOS	11,371	1,776,432	11,548	1,431,942
SEP	11,478	1,880,659	11,676	1,486,011
OKT	11,573	1,951,731	11,495	1,466,168
NOV	11,559	1,979,624	11,362	1,430,475
DIS	11,552	2,002,581	11,250	1,412,843
JUMLAH		19,961,442		17,860,966

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Sekretariat – Sel Kewangan
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20715113
Faks : 03-03-20598481

6 Mac 17

MATM/JKAD/KPAT/1/2017 (1)

Koperasi Perumahan Angkatan Tentera
(Untuk Perhatian : Pengerusi Anggota Lembaga Pengarah)

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA DISEMBER 2016

1. Laporan audit ini disediakan untuk memenuhi kehendak Seksyen 42A Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Undang-Undang Kecil Koperasi Perumahan Angkatan Tentera 48, 51 (1) dan 51 (4) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Ke 47.

SKOP

2. Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD) telah melaksanakan pengauditan ke atas sebahagian daripada pengurusan kewangan, pentadbiran dan aktiviti KPAT bagi tempoh perakaunan 2016. Skop pengauditan yang dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut merangkumi perkara-perkara berikut :

- a. Maklumbalas dan tindakan terhadap audit yang lepas.
- b. Perbelanjaan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 46.
- c. Pengurusan Sewaan Premis.
- d. Pengurusan Perjanjian Jualbeli Rumah di Pulau Indah.
- e. Pengurusan Aset.

MAKLUMBALAS DAN TINDAKAN TERHADAP AUDIT LEPAS

3. Berdasarkan kepada semakan Laporan MAT Ke 46, JKAD mendapati bahawa semua pemerhatian dan syor telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak KPAT.

PERBELANJAAN MESYUARAT AGONG TAHUNAN KE 46

4. Berdasarkan kepada Laporan Kewangan yang dikemukakan, JKAD telah membuat pemeriksaan dan semakan terhadap perbelanjaan MAT Ke 46. Ringkasan perincian perbelanjaan keseluruhan MAT Ke 46 berbanding perbelanjaan MAT Ke 45 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

BIL	PERKARA	MAT 45 (RM)	MAT 46 (RM)	BEZA (RM)	%
1	Tuntutan Perjalanan Kakitangan Dan Lebih Masa	737.7	3,409.9	2,672.20	362.23
2	Cenderahati dan Hadiyah	36,951.13	15,742.00	(21,209.13)	(57.40)
3	Elaun Mesyuarat JKK AGM	69,895.58	74,960.00	5,064.42	7.25
4	Elaun Kehadiran Anggota	220,900.00	284,000.00	63,100.00	28.56
5	Keraian	7,994.87	7,341.75	(653.12)	(8.17)
6	Pakaian Korporat	11,603.02	45,960.70	34,357.68	296.11
7	Percetakan dan Pengiklanan	33,215.40	40,995.90	7,780.50	23.42
8	Perkhidmatan dan Sewaan	28,459.60	30,996.38	2,536.78	8.91
9	Alatulis, Peralatan Dan Lain-Lain	1,787.38	2,906.20	1,118.82	62.60
Jumlah Keseluruhan		411,544.68	506,312.83	94,768.15	23.03

Jadual 1 – Perbandingan Perbelanjaan Mesyuarat Agong Tahunan Ke 45 dan 46

5. Pemerhatian.

a. Hasil daripada semakan JKAD mendapati terdapat peningkatan perbelanjaan yang ketara terutama sekali pakaian korporat dan elauan kehadiran anggota. Perbelanjaan lain juga menunjukkan peningkatan seperti tuntutan perjalanan kakitangan dan lebih masa, elauan mesyuarat JKK AGM, percetakan dan pengiklanan, perkhidmatan dan sewaan serta alatulis, peralatan dan lain-lain. Kekerapan mesyuarat JKK MAT juga telah menyumbang kepada peningkatan elauan mesyuarat.

b. Secara keseluruhannya JKAD mendapati perbelanjaan MAT Ke 46 telah meningkat sebanyak RM 94,768.15 iaitu 23.03% berbanding perbelanjaan MAT Ke 45. Walau bagaimanapun JKAD mendapati

segala perbelanjaan telah dilakukan mengikut peraturan sedia ada dan segala transaksi telah direkod dengan betul.

6. **Syor.** Tindakan penjimatan dan pengurangan perbelanjaan adalah merupakan langkah baik yang perlu dilakukan oleh KPAT berdasarkan kepada prestasi kewangan semasa. Adalah disyorkan agar pihak JKK MAT mengkaji semula pengurusan mesyuarat JKK MAT serta perbelanjaan pakaian korporat memandangkan perkara ini boleh dijimatkan.

PENGURUSAN SEWAAN PREMIS

7. Berdasarkan kepada Laporan Mesyuarat Lembaga Ke-623 (12B/16), JKAD telah mengenalpasti beberapa premis KPAT yang terdapat di beberapa lokasi telah di sewa kepada penyewa melalui perjanjian/kontrak sewaan yang telah dimeterai antara KPAT dengan penyewa. Berpandukan kepada kontrak perjanjian sewaan, jumlah kutipan bulanan adalah berjumlah **RM 56,801.98** sebulan sebagaimana perincian di **Lampiran 1**.

8. **Pemerhatian.**

a. Hasil dari semakan JKAD mendapati bahawa pengurusan fail bagi setiap perjanjian sewaan premis kurang kemas dan menyukarkan pencarian dokumen yang diperlukan. Banyak dokumen-dokumen penting yang tidak dikemaskini dan difailkan dengan sempurna.

b. Walau bagaimanapun secara keseluruhan kutipan sewaan bulanan telah diuruskan dengan baik oleh pihak Pengurusan Koperasi. Kutipan telah dibuat mengikut jadual yang telah ditetapkan.

9. **Syor.**

a. Memperbaiki pengurusan fail yang lebih teratur dan efisyen. Semua fail perlu disusun mengikut kategori tertentu bagi memudahkan pencarian dan rujukan akan datang. Segala urusan atau transaksi yang berlaku bagi setiap perjanjian sewaan premis perlu dikemaskini dalam fail yang berkaitan. Dokumen-dokumen semasa perlu difailkan segera ke dalam fail yang berkaitan bagi mengelakkan kehilangan dokumen atau terlepas pandang.

b. Kekalkan prestasi kutipan bulanan sewaan bagi mematuhi ketetapan yang telah termaktub dalam kontrak dan menentukan aliran wang tunai KPAT dapat dirancang dengan sempurna.

PENGURUSAN PERJANJIAN JUAL BELI 30 UNIT RUMAH KORUSS AMANDANI PULAU INDAH

10. Berdasarkan kepada Dokumen Perjanjian Jualbeli antara Koperasi Perumahan Angkatan Tentera dengan Syarikat Gennessy Hills Sdn Bhd pada 20 Mac 2007 dan 31 Mac 2010 terdapat beberapa terma yang termaktub berkaitan dengan *guaranteed return* dan pulangan pelaburan seperti perjanjian berikut :

a. **Perjanjian Jualbeli 4 buah rumah benilai RM 250,000 seunit pada 20 Mac 2007.**

“Penjual dan Kontraktor akan memberi *guaranteed return* sebanyak RM 1,500.00 sebulan selama 10 tahun kepada Pembeli dan sekiranya dalam tempoh 10 tahun selepas pemilikan kosong bangunan tersebut kepada Pembeli, Penjual dan Kontraktor gagal menyewakan Hartanah tersebut selama 10 bulan berturut-turut setelah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan penyewa disebabkan keadaan pasaran semasa, Penjual dan Kontraktor bersetuju untuk membeli semula Hartanah tersebut daripada Pembeli pada harga pasaran ditolak 20% atau *force sale value* yang mana lebih rendah”

Klausa 15

b. **Perjanjian Jualbeli 26 buah rumah benilai RM 145,000 seunit pada 31 Mac 2010.**

(1) Klausa 13 kepada Perjanjian tersebut menjelaskan bahawa Penjual dan/atau Kontraktor bersetuju untuk memberi Pulangan Pelaburan bagi dalam tempoh 15 tahun daripada milikan kosong diberi kepada Penjual dan/atau setelah kesemua 26 lot-lot bangunan telah didirikan rumah pada kadar seperti berikut :

- (a) Sebelum siap keseluruhan projek - 5% daripada Harga Jualbeli Hartanah tersebut untuk unit-unit rumah yang telah memperolehi “CCC” dengan syarat sentiasa Penjual telah memperolehi penyewa terhadap Hartanah tersebut.
- (b) Tahun 1 hingga 5 selepas siap keseluruhan - 8% daripada Harga Jualbeli.

(c) Tahun 6 hingga 10 selepas siap keseluruhan - 8.5% daripada Harga Jual.

(d) Tahun 11 hingga 15 selepas siap keseluruhan - 9% daripada harga jual beli hartanah tersebut.

11. **Pemerhatian.**

a. Berdasarkan kepada semakan, JKAD mendapati tiada sebarang bayaran yang diterima oleh KPAT mulai 1 Jan 2015 daripada Syarikat Gannessy Hills Sdn Bhd terhadap bayaran *guaranteed return* dan wang pulangan keuntungan. Jumlah tertunggak sehingga tarikh pemeriksaan adalah berjumlah **RM 928,132.38**. Surat tuntutan rasmi terakhir yang dikemukakan oleh KPAT kepada Syarikat Gannessy Hills Sdn Bhd adalah pada 3 Mei 2016.

b. JKAD mendapati bahawa terdapat 3 unit rumah iaitu No. 2 (PT125410), No. 12 (PT125415) dan No. 25 (PT125440) yang dibeli daripada Pemaju iaitu Gannessy Hills Sdn Bhd belum dipindah hak milik kepada KPAT walaupun urusniaga jualbeli telah selesai sekian lama. Hasil daripada semakan juga JKAD mendapati bahawa Salinan S & P untuk unit No 2 dan No 25 tidak disediakan oleh peguam pemaju sejak dari awal urusniaga.

c. Secara keseluruhan semua 30 unit rumah yang dibeli belum mendapat Sijil Kelayakan Menduduiki atau Sijil Penyiapan Praktikal (CCC) walaupun premis tersebut telah disewakan dan diduduki oleh penyewa. Kelewatan untuk mendapatkan CCC ini dikhuatiri akan menjelaskan rancangan masa hadapan KPAT dan mungkin akan mengakibatkan kerugian sekiranya ada keperluan untuk mencairkan aset tersebut. Sehingga kini tiada sebarang bukti tindakan atau gesaan yang dibuat oleh KPAT dalam menangani masalah ini.

12. **Syor.**

a. Pengurusan KPAT hendaklah berusaha untuk mendapatkan *guaranteed return* dan wang pulangan keuntungan yang tertunggak berjumlah **RM 928,132.38** daripada Syarikat Gannessy Hills Sdn Bhd. Tindakan tegas dan undang-undang perlu diambil dengan segera memandangkan tunggakan ini telah berlanjut selama 2 tahun.

b. Pengurusan KPAT hendaklah membuat proses pindahmilik 3 unit tersebut (iaitu No. 2 [PT125410], No. 12 [PT125415] dan No. 25 [PT125440]) dengan seberapa segera. Peguam pemaju perlu dimaklumkan untuk menyediakan S&P untuk unit No 2 dan No 25. KPAT perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju dan peguam pemaju yang gagal menyediakan dokumen berkenaan dan tidak mematuhi syarat perjanjian jual beli yang telah ditetapkan dalam S&P induk.

c. Bagi unit yang tiada CCC/CF, KPAT perlu mendapatkan penjelasan daripada pihak syarikat masalah pada unit tersebut yang menyebabkan CCC/CF tidak dapat dikeluarkan. Kesan daripada perkara ini KPAT tidak dapat melakukan penjualan unit tersebut pada masa hadapan dengan harga pasaran kerana tiada CCC/CF. Perkara ini akan menyebabkan kerugian pada pihak KPAT. Tindakan undang-undang perlu diambil terhadap pemaju sekiranya melanggar perjanjian jual beli di mana pemaju perlu mendapatkan CCC/CF untuk semua unit tersebut.

PENGURUSAN ASET

13. JKAD telah membuat semakan terhadap dokumen dan semakan secara fizikal terhadap aset ICT dan aset pejabat KPAT. Nilai aset yang telah disemak secara keseluruhannya adalah berjumlah **RM 321,149.33**.

14. Pemerhatian.

a. Berdasarkan kepada semakan secara fizikal terhadap perabot dan perlatan logistik, JKAD mendapatai bahawa semua barang yang terdapat dalam pegangan KPAT cukup mengikut senarai yang dikemukakan. Walau bagaimanapun ruangan untuk penyimpanan barang adalah terhad dan kurang kondusif.

b. JKAD mendapati bahawa terdapat beberapa aset ICT yang tiada dalam pegangan tetapi masih terdapat dalam senarai aset seperti dalam **Jadual 2**. Semua perisian yang tidak digunakan masih dikekalkan dalam senarai. Terdapat beberapa perkakas komputer yang disenaraikan tiada dalam pegangan KPAT walaupun nilai bukunya kosong. Secara keseluruhannya juga perlatan ICT tidak direkod menggunakan nombor siri peralatan tersebut. Ianya direkod secara umum dan atas nama pengguna.

Bil	Item	Tahun Beli	Kuantiti	Harga/ Unit	Susutnilai Terkumpul	Nilai Buku
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
1	Komputer Benq	2004	1	2,488.00	2,488.00	0.00
2	Komputer Miskiah	2005	1	1,878.00	1,878.00	0.00
3	Komputer Suhaini	2005	1	1,185.00	1,185.00	0.00
4	Komputer Siti Fatimah	2006	1	2,400.00	2,400.00	0.00
5	Komputer Nordin	2006	1	907.00	907.00	0.00
6	Mobile Internet USB Modem	2007	1	1,299.00	1,299.00	0.00
7	Printer Panasonic Kx-P1121	2007	1	484.40	484.40	0.00
8	PIXMA LP 1300 Inkjet Printer 1435B012	2008	1	99.00	99.00	0.00
9	Dell Desktop Computer	2008	9	2,300.00	20,700.00	0.00
10	Turbo Usb Portable Hard Drive 250gb	2009			598.00	0.00
11	HP Model Desktop PC System Intel Dual Core E220	2009			5,690.00	0.00
12	Maxtor External Desktop Harddrive 640gb	2009			1,042.00	0.00
13	Epson Stylus , Oki Microline Dot Matrix Printer	2009			965.00	0.00
14	Acer Aspire Desktop (Soffian+Kaunter)	2010	2	3,349.50	3,349.50	0.00
15	Epson Printer (Miskiah)	2010	1	135.00	135.00	0.00
Jumlah					43,219.90	0.00

Jadual 2 – Senarai Aset ICT Yang Tiada Dalam Pegangan Tetapi Masih Terdapat Dalam Senarai Aset

15. **Syor.**

- a. JKAD mengesyorkan agar barang-barang yang tidak digunakan disimpan dalam stor yang berkaitan agar prasarana pejabat lebih kondusif dan selasa untuk bekerja. Staf juga disarankan untuk meningkatkan tahap penjagaan barang-barang dan mewujudkan rekod kerosakan serta penyelengaraan peralatan bagi menentukan semua peralatan berada dalam keadaan yang baik, sempurna dan boleh guna.
- b. JKAD mengesyorkan agar aset yang telah rosak dan usang atau tidak digunakan dibuat pelupusan dan mengemaskini rekod aset secara lebih sistematik. Dengan pelupusan barang-barang yang using ini akan menjimatkan ruang simpanan di stor dan lebih memberi keselesaan kepada staf untuk melaksanakan kerja.
- c. JKAD juga ingin mengesyorkan agar setiap peralatan ICT direkodkan berdasarkan kepada nombor siri peralatan tersebut berbanding dengan pengenalan kepada nama pengguna peralatan

tersebut bagi memastikan aset tersebut adalah kepunyaan KPAT bukan kepunyaan individu yang menggunakan peralatan tersebut.

KESIMPULAN DAN PANDANGAN

16. Terdapat beberapa pemerhatian yang boleh ditambahbaik dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan aset dan pengurusan jualbeli aset bagi memastikan pengurusan dan hal ehwal koperasi telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi dan Undang-Undang Kecil Koperasi.

PENGHARGAAN

17. JKAD mengucapkan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga Pengarah dan Staf Koperasi Perumahan Angkatan Tentera yang telah memberi kerjasama yang penuh sepanjang tempoh audit yang dilaksanakan. Laporan ini dimajukan untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Sekian terima kasih.



MOHD LUTPI TAUFIK BIN CHE MAT MIN

Lt Kol


Ketua Jawatankuasa Audit Dalam



ASRUL BIN ISMAIL

Mej

Ahli Jawatankuasa Audit Dalam



NEELAH BIN YUSOF

PW 1

Ahli Jawatankuasa Audit Dalam

SENARAI PENYEWNA PREMIS KOOPERASI ANGKATAN TENTERA 2016

BIL	LOKASI	PENYEWNA	TARIKH TAMAT PERJANJIAN	KADAR SEWA/ BULAN	JENIS HARTA	CATATAN
1	35A-0-1, Jalan Wangsa Delliema 5 Sekyen 5 KLSC II Wangsa Maju Kuala Lumpur	G : Pusat Servis Kereta P&T	31 Mac 16	6,360.00	Pejabat Kadai 3 Tingkat	
2	No. 1-12A & No. 1-12B Jalan PP 113 Putra Perdana 47100 Puchong, Selangor	Nawi bin Mohd Salleh 016-2424584 012-3346777	31 Dis 21			
3	No. 41 Jalan BPJ 1/1 Sec 1 Bandar Puteri Jaya 08000 Sungai Petani Kedah	G : Klinik 1 Malaysia No. Tel: 017-4724133 1st & 2nd : Muhammad Zamir bin Shaukat Ali GUNZ Fitness	31 Dis 15	3,498.00	Pejabat Kadai 3 Tingkat	Bayaran setiap bulan untuk tungggakan sewa sahaja
4	No. 42 Jalan BPJ 1/1 Sec 1 Bandar Puteri Jaya 08000 Sungai Petani Kedah	G: Abdul Mutualib bin Abdul Kadir No. Tel : 013-4775833 2nd: Telah dikosongkan		2,650.00	Pejabat Kadai 3 Tingkat	
5	No. 57 Jalan BPJ 1/1 Sec 1 Bandar Puteri Jaya 08000 Sungai Petani, Kedah	G: Khor Chee Siang No. Tel: 012-4773875 CS Auto Accessories & Air Cond	31 Dis 16	1,590.00	Pejabat Kadai 2 Tingkat	
6	No. 58 & 59 Jalan BPJ 1/1 Sec 1 Bandar Puteri Jaya 08000 Sungai Petani, Kedah	Zabidah Zakaria (Pusat Pengajian Al-Waheeda) No. Tel : 012-5290910 / 019-4053348	28 Feb 15	3,180.00	Pejabat Kadai 2 Tingkat	
7	No. 60 Jalan BPJ 1/1 Sec 1 Bandar Puteri Jaya 08000 Sungai Petani, Kedah	Tang Cheng Kiat No. Tel: 012-4842916 ZAN PIN CAR SERVICE CENTRE	31 Ogos 15	1,500.00	Pejabat Kadai 2 Tingkat	
8	No. 61 Jalan BPJ 1/1 Sec 1 Bandar Puteri Jaya 08000 Sungai Petani Kedah	G : Tan Choon Yan (AX Saloon) No. Tel: 016-4809916 1st : Zarina bt Hamid D Eyna Jelita Spa & Salon	10 Ogos 15	1,378.00	Pejabat Kadai 2 Tingkat	
9	No. 62 Jalan BPJ 1/1 Sec 1 Bandar Puteri Jaya 08000 Sungai Petani, Kedah	G : Thor Kait Jui (Lasto Comp)	31 Jul 16	1,590.00	Pejabat Kadai 2 Tingkat	
10	Nur Lembah Lenggong Eco Resort Lot 7452, Selat Pagar, Padang Grus 33400 Lenggong, Perak	1st : Mega Jati Consult Sdn Bhd Nur Lembah Lenggong (NLL) No. Tel: 05 7960622	30 Apr 18	530.00		
11	Lot No. 5,7,9 & 11 Jalan Dato' Hormat, Pulau Indah (RM250,000 x 4 unit)	Tempoh 2 tahun		3,180.00		Bayaran mulai Jan 16
12	Pulau Indah - 26 unit	Gennessy Hills Sdn Bhd	Tempoh 10 tahun	5,088.00	Rumah berkembar 1 1/2 tingkat	Bayaran mulai Nov 10
13	Setiawangsa Business Suite Suite A-0-10 Jalan Setiawangsa 11	Gennessy Hills Sdn Bhd	Tempoh 15 tahun	24,243.98	Rumah Berkembar Setingkat	Bayaran mulai Dis 12
14	Unit K3A-1 Excelia Business Park Jln Ampang Putra Tmn Ampang Hillir	Mohd Fadly bin Mohd Zolkapli		5,300.00		Sewaan mulai Mei 16
15	Unit K3A-G Excelia Business Park Jln Ampang Putra Tmn Ampang Hillir	Golddove Global Consultancy Sdn Bhd		3,710.00		Sewaan mulai Jun 16
		Usaha Mohnet Sdn Bhd		3,180.00		Sewaan mulai Jun 16

JAWAPAN KEPADA LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SEHINGGA 31 DIS 2016

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

Pihak Lembaga mengucapkan ribuan terima kasih atas ulasan, teguran dan pandangan yang diberikan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) melalui laporannya bertarikh 6 Mac 2017 yang dibentangkan tersebut. Berikut adalah jawapan kepada laporan tersebut:-

1. Kenaikan kos mesyuarat agung tahunan sebanyak 29% sebahagian besar pada bayaran elaun kehadiran anggota dari RM 220,900 kepada RM 284,000 ekoran peringkatan kehadiran dari 2,239 kepada 2,837 orang anggota bagi mesyuarat agung tahunan pada 7 Jun 2015 dan 22 Mei 2016.
2. Lain-lain kos yang meningkat seperti tuntutan perjalanan, elaun jawatankuasa, pakaian korporat, percetakan & pengiklanan (termasuk setem dan pos), perkhidmatan dan sewaan serta peralatan adalah masih terkawal. Lembaga mengambil perhatian bagi pengurusan perbelanjaan dan langkah-langkah penjimatan akan dibuat.
3. Pengurusan kutipan sewa bagi bangunan-bangunan milik Koperasi diurus tadbir oleh kakitangan bahagian Kutipan dan dikawalselia serta dipantau oleh Jawatankuasa Kutipan. Penambahbaikan rekod kutipan serta dokumentasi dan profail penyewa dibuat dari semasa ke semasa.

4. **Koruss Amandani, Pulau Indah, Klang**

- 4.1 Jumlah keterhutangan Pulangan Terjamin (GR) sehingga 31 Mac 2017 adalah RM 1,016128 dimana jumlah GR bagi 30 unit rumah adalah RM 29,332 sebulan. Notis tuntutan dimajukan dari semasa ke semasa melalui surat peringatan disamping makluman secara lisan setiap kali wakil Gennessy Hills Sdn Bhd (GHSB) hadir ke mesyuarat dengan ALK. Billing Tax Invoice dipos setiap bulan. Surat-surat peringatan dibuat pada 2 September 2014; 6 November 2014; 24 November 2014; 3 Mei 2016; 30 Disember 2016; 28 Februari 2017 sehingga 31 Mac 2017 surat amaran dikeluarkan bagi tindakan guaman. Pihak Peguam telah memajukan notis pada 10 April 2017 dengan memberi tempoh 14 hari untuk penamatkan perjanjian. Tindakan selanjutnya sedang berjalan.
- 4.2 Proses pindahmilik 3 unit rumah daripadanya terganggu apabila peguam pemaju menamatkan perkhidmatan mereka. Kelewatan pindahmilik disebabkan ada cadangan penjualan semua rumah tersebut yang menangguhkan urusan pindah milik. Isu pindahmilik melalui penama yang dilantik sebagai Pemegang Amanah terhadap harta Rizab Melayu juga membantutkan urusan. Pelantikan Amanah Raya Berhad sebagai Pemegang Amanah melalui proses yang panjang kerana tindakan institusi tersebut tidak sepantas institusi amanah swasta yang lebih tinggi kadar yuran yang dikenakan. Terdapat 4 unit daripadanya yang berjaya mendapat perintah mahkamah dua tahun lalu masih belum dipindahmilik kepada Amanah Raya Berhad yang mana Koperasi sebagai benefisiarinya.
- 4.3 Kegagalan mendapatkan CCC atau CF merupakan kegagalan pemaju dan boleh diambil tindakan guaman. Memandangkan GHSB juga mempunyai kepentingan lain dalam menyiapkan kerja-kerja ubahsuai bangunan Wisma KPAT kepada hotel di Shah Alam, Lembaga lebih berhati-hati mengambil tindakan terhadap penyewa tersebut supaya tidak mengganggu kemajuan kerja-kerja tersebut. Dalam keadaan tolak ansur inilah yang menyebabkan keterhutangan tersebut berlarutan.

5. Pengurusan Aset ICT

- 5.1 Pihak Pengurusan menyedari terdapat barang komputer dan peralatan berkaitan dengannya yang telah habis nilai susutannya dan tiada nilai buku serta terdapat yang sudah rosak dan patut dilupuskan masih tersenarai dalam harta tetap Koperasi. Sungguhpun nilai buku sudah sifar, terdapat peralatan masih boleh digunakan dan masih digunakan. Namun terdapat peralatan yang wajar dilupuskan kerana rosak, hilang dan ketinggalan zaman tetapi prosidur perakaunan masih mempunyai rekod belian. Tindakan pelupusan terhadap aset-aset yang usang dan rosak akan diambil.
- 5.2 Rekod penyenaraian harta tetap sememangnya ada tersimpan tetapi kurang sistematik seperti penomboran dan profil setiap barang yang dijadikan aset tetap. Tindakan akan diambil.

Pihak Lembaga mengucapkan terima kasih atas cadangan dan ulasan yang dikemukakan oleh Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman. Pandangan yang diberikan akan diteliti dan diambil perhatian oleh pihak Lembaga bagi menambahbaikkan perkhidmatan Koperasi kepada anggota dan demi kemajuan dan kecemerlangan Koperasi dimasa hadapan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

(Didaktarkan di Malaysia)

*LAPORAN DAN
 PENYATA KEWANGAN
 31 DISEMBER 2016*



KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD (Reg. No. 4093)
No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II),
53300 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-4142 7071, 4142 7072 Fax: 03-4142 5294

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT
AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Kegiatan utama Koperasi adalah memberi pinjaman kepada anggota-anggota, pelaburan serta aktiviti jualan rumah kepada anggota - anggota yang dilaksanakan melalui promosi jualan bersama penaja.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa;

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara - perkara luar biasa mengikut tarif Seksyen 59 (4) Akta Koperasi 1993;
- b) Koperasi telah memperuntukkan pembahagian dividen 7% atas modal syer dan modal yuran anggota sebanyak RM2,084,301.
- c) Koperasi telah juga membuat cadangan untuk membuat peruntukan - peruntukan berikut:-

RM

i)	Honorarium	90,000
ii)	Peruntukan cukai	420,000

- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai;
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh penyata pendapatan, liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan;
- f) Anggota Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset tetap, aset semasa, liabiliti semasa, modal dan rizab yang ditunjukkan di kunci kira-kira adalah munasabah; dan
- g) Anggota Lembaga Koperasi bersetuju memperuntukkan rosot nilai atas pelaburan saham - saham siar harga pada tahun semasa sebanyak RM69,355; dan

h) Keanggotaan pihak Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Kol. (B) Hj. Mohamad Haris bin Yusop	Pengerusi
Kapt. (B) Ahmad Tarmudi bin Ja'afar	Naib Pengerusi
Lt. Kol. Rusli bin Dariah	Setiausaha
Lt. Kol. (B) Hj. Ishak bin Marulah	Bendahari
Mej Makzam bin Ibrahim	Anggota lembaga
En. Samsuddin bin Ahmad	Anggota lembaga
En. Kamal bin Ahmad	Anggota lembaga
PW I Hawariah binti Yusof	Anggota lembaga
PW I Azmi bin Darus	Anggota lembaga
Lt. Kol. Rosni bin Ujang	Penasihat kewangan

Kami bagi pihak anggota Lembaga mengaku bahawa selain dari perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (3).



KOL. (B) HJ. MOHAMAD HARIS BIN YUSOP
Pengerusi



LT. KOL. RUSLI BIN DARIAH
Setiausaha



LT. KOL. (B) HJ. ISHAK BIN MARULAH
Bendahari

Kuala Lumpur
Tarikh: 10 MAY 2017

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

PENYATA ANGGOTA LEMBAGA

Kami, KOL. (B) HJ. MOHAMAD HARIS BIN YUSOP dan LT. KOL. (B) HJ. ISHAK BIN MARULAH, dua orang daripada anggota Lembaga **KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga, penyata kewangan yang disertakan bersama penyata berkaitan kunci kira-kira, penyata pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai telah disediakan mengikut Piawaian-piawaian Perakaunan dan peruntukan Akta Koperasi 1993 yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Koperasi pada 31 Disember 2016 dan hasil serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga.



KOL. (B) HJ. MOHAMAD HARIS BIN YUSOP
Pengerusi



LT. KOL (B) HJ. ISHAK BIN MARULAH
Bendahari

Kuala Lumpur
Tarikh: 10 MAY 2017

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada,

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota - anggota Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Juruaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan **KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD** yang terdiri daripada kunci kira-kira pada 31 Disember 2016, dan penyata pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota - nota penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan keperluan Akta Koperasi 1993.

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian itu adalah dihuraikan dengan lanjut dalam perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Koperasi mengikut keperluan etika yang berkaitan dengan audit penyata kewangan di Malaysia, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut keperluan ini.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didafarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Anggota - anggota Lembaga ke atas Penyata Kewangan

Anggota-anggota Lembaga adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Akta Koperasi 1993 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang diubahsuai menurut Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Anggota-anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan oleh Anggota-anggota Lembaga ianya diperlukan dalam penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samaada disebabkan oleh penipuan dan kesilapan.

Para Anggota-anggota Lembaga adalah bertanggungjawab untuk menyelia proses pelaporan kewangan Koperasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didafarkan di Malaysia)**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)***Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Sambungan)*

Kami juga:

- i. Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang berhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang berhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- ii. Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Koperasi.
- iii. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh pihak Anggota - anggota Lembaga.
- iv. Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian di dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami perlu diubah. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan Juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan para Anggota - Anggota Lembaga Koperasi, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti sepanjang pengauditan kami.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Seksyen 58 Akta;
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset Koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah menurut peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia dan peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam semua aspek yang material, dinyatakan dengan saksama menurut dasar-dasar perakaunan.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya bagi anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain tentang isi kandungan laporan ini.

MNZWAJ ASSOCIATES
AF 001959
Akauntan Bertauliah

Taqiyuddin Amin bin Abdul Satar
SKM (B) 0455
02378/09/2018 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

Tarikh: **10 MAY 2017**

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	3		
Bangunan		948,205	972,518
Perabot		85,071	105,222
Alatan pejabat		27,447	14,212
Alatan komputer		214,705	215,773
Kenderaan		114,189	-
		1,389,617	1,307,725
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan saham siarharga	4	930,657	1,000,012
Pelaburan saham tak siar harga	5	39,055	36,000
Pelaburan hartanah	6	45,552,455	39,431,469
Pinjaman anggota	7	51,129,208	43,941,200
Pinjaman kakitangan	8	189,150	227,785
		97,840,525	84,636,466
ASET SEMASA			
Pinjaman anggota	7	18,000,000	17,600,000
Pinjaman kakitangan	8	38,635	50,400
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	9	2,250,033	19,632,485
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	10	10,359,029	12,466,997
Wang di bank dan di tangan	11	3,746	4,000
		30,651,443	49,753,882
LIABILITI SEMASA			
Simpanan anggota	12	5,059,026	4,064,415
Pinjaman berjangka	13	8,500,000	6,746,475
Kumpulan wang amanah pendidikan koperasi	14	65,138	452,954
Kumpulan wang amanah pembangunan koperasi	15	32,569	226,477
Pelbagai pembiutang dan akruan	16	1,205,958	5,470,492
Dividen dicadangkan	17	2,084,301	3,084,998
Overdraft bank		129,305	16,702
Peruntukan cukai		5,980,000	5,560,000
		23,056,297	25,622,513
ASET SEMASA BERSIH		7,595,146	24,131,369
		106,825,288	110,075,560

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA (SAMBUNGAN)
PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
DIBIAYAI OLEH:			
Modal saham anggota	18	1,718,634	1,644,584
Modal yuran anggota	19	41,704,951	53,708,914
Akaun rizab modal	20	50	50
Kumpulan wang penebusan syer	21	158,770	84,720
Modal syer ditebus	22	241,230	315,280
Tabung khairat kematian	23	500,000	500,000
Tabung kebajikan am	24	6,381,999	5,702,138
Kumpulan wang perlindungan peminjam	25	1,061,307	636,598
Kumpulan wang perlindungan pembiayaan	26	2,394,693	2,394,693
Akaun untung rugi terkumpul		5,892,667	10,175,217
KUMPULAN WANG ANGGOTA		60,054,301	75,162,194
Kumpulan wang rizab statutori	27	9,012,750	9,820,778
JUMLAH EKUITI		69,067,051	84,982,972
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman berjangka	13	37,758,237	25,092,588
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI BUKAN SEMASA		106,825,288	110,075,560

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
UNTUNG BERSIH TAHUN SEMASA		3,256,878	22,647,707
TOLAK : PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori [2016: (12%); 2015: (15%)]	27	390,825	3,397,156
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi [2%]	14	65,138	452,954
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi [1%]	15	32,569	226,477
		488,532	4,076,587
Untung selepas Pembahagian Berkanun		2,768,346	18,571,120
TOLAK : CUKAI DAN ZAKAT			
Peruntukan cukai		420,000	5,560,000
Keuntungan selepas peruntukan cukai dan zakat		2,348,346	13,011,120
TOLAK : LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN			
Dividen dicadangkan [2016: (7%); 2015: (10%)]	17	2,084,301	3,084,998
Kumpulan wang penebusan saham	21	-	140,000
Honorarium Lembaga	16	90,000	200,000
Peruntukan hutang rugu	16	-	4,328,517
		2,174,301	7,753,515
Baki keuntungan yang belum dibahagi-bahagikan		174,045	5,257,605

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN (SAMBUNGAN)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
TAMBAH : PELARASAN BUKAN OPERASI			
Dividen terlebih peruntuk	28	994	2,545
Hibah anggota dicadang		5	10
Modal yuran anggota terlebih rekod		11,621,109	-
Pelarasan honorarium terlebih peruntuk		50,000	-
Pelarasan pembahagian berkanun		1,328,709	-
Pelarasan rizab modal		-	81,168
Pinjaman anggota terlebih rekod		<u>(17,457,412)</u>	<u>-</u>
		<u>(4,456,595)</u>	<u>83,723</u>
(Kerugian) / keuntungan selepas pelarasan		(4,282,550)	5,341,328
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		10,175,217	4,833,889
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN			
		<u>5,892,667</u>	<u>10,175,217</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	Nota	2016	2015
		RM	RM
PENDAPATAN			
Pendapatan daripada aktiviti:			
Kredit	3 (i)	8,153,856	4,485,503
		<hr/>	<hr/>
Pendapatan lain-lain			
Dividen diterima	3 (g)	107,577	315,191
Bayaran yuran masuk	3 (b)	55,645	17,331
Sewa rumah kedai	29	785,470	662,930
Caj penyata		13,344	9,484
Hutang lapuk pulih		200,000	-
Keuntungan jualan saham siar harga		-	23,402,100
Keuntungan / (kerugian) atas pelaburan		194,711	(23,451)
Pelbagai pendapatan		397	-
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH PENDAPATAN		9,511,000	28,869,088
PERBELANJAAN AM			
Air dan elektrik		37,196	40,399
Astro		1,656	1,681
Bayaran audit luar		12,800	7,700
Bayaran audit dalam		4,700	5,425
Bayaran professional		218,515	260,341
Belanja am pejabat		6,162	7,679
Bonus kepada kakitangan		44,530	61,978
Caj bank		12,995	6,391
Cukai tanah dan pintu		71,556	70,329
Dalai ANGKASA		1,062	529
Denda		-	3,336
Derma dan sumbangan		500	1,000
Elaun anggota lembaga	30	239,652	202,104
Elaun penasihat kewangan		17,440	15,780
Gaji, eluan kakitangan dan lebih masa		681,004	637,434
Ganjaran tamat perkhidmatan		17,006	8,194
GST tidak boleh dituntut		142,614	-
Baki dihantar ke hadapan		<hr/>	<hr/>
		1,509,388	1,330,300

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI (SAMBUNGAN)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
Baki dibawa dari hadapan		1,509,388	1,330,300
Hibah simpanan anggota		41,670	20,337
Hutang lapuk		100,000	1,000,000
Insuran kelompok		65,930	44,110
Keraian		23,675	18,744
Kerugian luarjangka		575	568
Kerugian pelupusan saham amanah		-	97,691
Komisyen kutipan pinjaman tertunggak		-	68,050
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		104,765	102,644
Kursus dan latihan		94,040	72,858
Laman sesawang		159	170
Pembaikan dan penyelenggaraan	31	182,553	224,418
Perbelanjaan cawangan Sungai Udang		24,808	51,023
Perbelanjaan dan pos		9,954	4,323
Perbelanjaan mesyuarat agung		523,365	411,245
Perbelanjaan perjalanan kakitangan		15,070	23,769
Pereetakan dan alatulis		39,316	24,291
PERKESO		9,580	9,028
Perubatan anggota lembaga dan kakitangan		41,942	38,315
Petrol dan tol		5,322	-
Projek am		71,396	60,323
Promosi dan pameran		-	4,588
Rosotnilai saham		69,355	-
Sewa letak kenderaan		3,762	-
Suratkhabar dan publikasi		1,409	930
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		382,611	288,302
Telefon dan internet		27,744	21,092
Tugas rasmi lembaga	32	103,213	63,875
Zakat perniagaan		-	38,816
		<u>3,451,602</u>	<u>4,019,810</u>
<u>PERBELANJAAN KEWANGAN</u>			
Faedah pinjaman		2,802,520	2,201,571
JUMLAH PERBELANJAAN		6,254,122	6,221,381
KEUNTUNGAN BERSIH		3,256,878	22,647,707

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan bersih sebelum cukai	3,256,878	22,647,707
<i>Pelarasan:-</i>		
Kerugian pelupusan saham amanah	-	97,691
Keuntungan pelupusan saham siarharga	-	(23,402,100)
Pelarasan tahun lalu	(1,379,708)	-
Rosotnilai saham	69,355	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	382,611	288,302
Keuntungan / (kerugian) operasi sebelum perubahan		
modal kerja	2,329,136	(368,400)
Pembentukan anggota	(5,347,000)	(2,426,247)
Pelbagai deposit dan prabayar	(4,298,576)	681,137
Pelbagai pembiayaan dan belanja terakru	(4,264,448)	(1,388,724)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	<u>(11,580,888)</u>	<u>(3,502,234)</u>
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN		
Kumpulan wang amanah pendidikan Koperasi	(452,954)	(31,053)
Kumpulan wang amanah pembangunan Koperasi	(226,477)	(15,526)
Honorarium anggota lembaga	(150,000)	(80,000)
Simpanan anggota	994,611	253,920
Kumpulan wang kebajikan am	679,861	275,114
Syer ditebus	-	140,000
Rizab modal	-	(81,168)
Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan	<u>(10,735,847)</u>	<u>(3,040,947)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	2016	2015
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Belian aset tetap	(464,506)	(152,801)
Terimaan daripada pelupusan harta tetap	3	779
Pelaburan saham amanah	(3,000)	(1,000,000)
Terimaan daripada saham amanah	55	901,309
Terimaan daripada pelupusan pelaburan saham siarharga	-	23,759,600
Pembelian pelaburan harta	(6,315,697)	(3,757,035)
Terimaan daripada pelupusan pelaburan hartanah	194,711	-
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	<u>(6,588,434)</u>	<u>19,751,852</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Pinjaman bank diterima	22,703,383	9,000,000
Pembayaran pinjaman berjangka	(8,284,209)	(4,909,865)
Perubahan dalam modal syer anggota	74,050	(56,240)
Perubahan dalam modal yuran anggota	(12,003,963)	(367,100)
Perubahan dalam kumpulan wang perlindungan peminjam	424,709	185,896
Dividen dibayar	(3,084,998)	(1,132,084)
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	<u>(171,028)</u>	<u>2,720,607</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaktarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	2016	2015
	RM	RM
(Kurangan) / lebihan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(17,495,309)	19,431,512
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<u>19,619,783</u>	<u>188,271</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>2,124,474</u>	<u>19,619,783</u>

ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:

Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	2,250,033	19,632,485
Wang di bank dan di tangan	3,746	4,000
Overdraf bank	(129,305)	(16,702)
	<u>2,124,474</u>	<u>19,619,783</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2016

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Koperasi adalah memberi pinjaman kepada anggota-anggota, pelaburan serta aktiviti jualan rumah kepada anggota-anggota yang dilaksanakan melalui promosi jualan bersama penaja.

Pejabat berdaftar dan alamat pentadbiran dan surat-menyurat adalah terletak di No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II), 53300 Kuala Lumpur.

Jumlah anggota Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 11,839 orang (2015: 11,382 orang). Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada kakitangan yang bertugas dengan Koperasi.

Laporan dan penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh Anggota Lembaga Koperasi pada

10 MAY 2017

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas-asas perakaunan

- (i) Penyata kewangan disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan. Pelarasian akan dibuat untuk menyesuaikan dengan nilai-nilai saksama aset atau liabiliti.
- (ii) Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993, dan peraturan-peraturan dibawahnya serta Undang-undang Kecil Koperasi.

(b) Fi masuk

Fi masuk anggota Koperasi dikreditkan ke akaun untung rugi sebagai pendapatan Koperasi mengikut Undang-undang Kecil Koperasi 13(4).

(c) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Susutnilai dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan aset-aset tersebut.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

(Didasarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2016

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(c) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:-

	<u>Kadar</u>
Bangunan	2%
Perabot	10%
Alatan pejabat	33.3%
Alatan komputer	33.3%
Kenderaan	20%

(d) Pelaburan dalam saham siar harga, saham tak siar harga dan saham tabung amanah

Pelaburan adalah dinyatakan pada kos. Rosotnilai dalam pelaburan hanya diperuntukkan apabila pihak Koperasi berpendapat bahawa rosotnilai tersebut adalah berkekalan.

(e) Pelaburan harta tanah

Pelaburan harta tanah adalah harta tanah (tanah atau bangunan) bagi tujuan memperoleh sewaan atau peningkatan nilai harta tanah atau kedua-duanya dan bukan untuk tujuan perniagaan. Mengikut model kos, aset tersebut akan diakaunkan mengikut MASB 15 atau MFRS 116 dan dibuat susutnilai dan penjejasan aset. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:-

	<u>Kadar</u>
Bangunan	2%

(f) Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang di tangan.

(g) Dividen diterima dari pelaburan dan sekuriti dan dividen dibayar kepada anggota

Dividen dari pelaburan dan sekuriti diambil kira ke akaun untung rugi dalam tahun dividen tersebut diisytiharkan.

Koperasi akan mengambil kira cadangan dividen ke atas modal syar anggota dan modal yuran anggota yang dicadangkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan tetapi sebelum diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan sebagai tanggungan di dalam tahun kewangan semasa bagi memenuhi peruntukan Seksyen 57 (5)(b), Akta Koperasi 1993.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN **31 Disember 2016**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(h) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskan dalam tempoh ia dikenalpasti. Anggaran akan dibuat untuk penghutang ragu berdasarkan kepada semakan jumlah tertunggak pada akhir tahun kewangan.

(i) Pengiktirafan pendapatan

i) Komisen jualan rumah

Komisen jualan rumah diiktiraf berdasarkan asas akruan mengikut jumlah jualan rumah.

ii) Kos perkhidmatan pinjaman anggota

Kos perkhidmatan pinjaman anggota diiktiraf secara asas akruan mengikut tempoh pinjaman.

(j) Pengiktirafan hasil

i) Pendapatan dividen

Pendapatan daripada dividen diiktiraf apabila hak penerimaannya telah ditentukan.

ii) Pendapatan faedah, sewa dan lain-lain pendapatan

Pendapatan faedah, sewa dan lain-lain pendapatan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(k) Rosotnilai harta

Nilai dibawa harta akan dinilai samada terdapat tanda-tanda rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa dan nilai boleh pulih harta.

Kerugian rosotnilai jika ada, akan diambilkira dalam akaun untung rugi. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih harta tersebut diambilkira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai dibawa harta tersebut boleh dipastikan (setelah ditolak pelunasan dan susunnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian semula tersebut diambilkira di dalam akaun untung rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 Disember 2016

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(l) Percukaian

Cukai adalah diperuntukkan berdasarkan pada jumlah cukai yang dianggarkan akan dibayar atas pendapatan yang dilaraskan.

(m) Manfaat pekerja

i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Koperasi.

ii) Pelan sumbangan yang diiktiraf

Koperasi membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Malaysia. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam akaun untung rugi bila ia tertanggung.

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2016

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kos			
	Pada 1.1.2016 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	
	Pada 31.12.2016 RM			
Bangunan	1,215,647	-	-	1,215,647
Perabot	535,841	32,455	-	568,296
Alatan pejabat	218,222	36,666	-	254,888
Alatan komputer	1,781,504	252,649	(2,675)	2,031,478
Kenderaan	4,259	142,736	(4,259)	142,736
	<u>3,755,473</u>	<u>464,506</u>	<u>(6,934)</u>	<u>4,213,045</u>
Susutnilai Terkumpul				
	Pada 1.1.2016 RM	Susutnilai dikenakan pada tahun RM	Pelupusan RM	Pada 31.12.2016 RM
Bangunan	243,129	24,313	-	267,442
Perabot	430,619	52,606	-	483,225
Alatan pejabat	204,010	23,431	-	227,441
Alatan komputer	1,565,731	253,714	(2,672)	1,816,773
Kenderaan	4,259	28,547	(4,259)	28,547
	<u>2,447,748</u>	<u>382,611</u>	<u>(6,934)</u>	<u>2,823,428</u>
Nilai Buku Bersih				
	Pada 31.12.2016 RM	Pada 31.12.2015 RM		
Bangunan	948,205	972,518		
Perabot	85,071	105,222		
Alatan pejabat	27,447	14,212		
Alatan komputer	214,705	215,773		
Kenderaan	114,189	-		
	<u>1,389,617</u>	<u>1,307,725</u>		

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2016

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Termasuk dalam harta tanah, loji dan peralatan Koperasi adalah bangunan dengan nilai buku bersih berjumlah RM948,205 (2015: RM972,518) yang telah dicagarkan bagi menjamin pinjaman berjangka yang telah diambil oleh pihak Koperasi seperti yang dinyatakan pada Nota 13 kepada penyata kewangan.

4. PELABURAN SAHAM SIAR HARGA

<i>Saham - saham mama</i>	Harga Belian		2016	2015
	Unit	Scunit		
SAHAM AMANAH				
PMB Shariah Mid-Cap Fund	21,506	0.93	20,001	20,001
CIMB Islamic Dahl Equity Growth Fund	365,138	1.38	500,000	500,000
CIMB Islamic Dahl Asia Pacific Equity Growth Fund (formerly known as (CIMB Islamic Equity Fund)	568,145	0.83	500,000	500,000

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2016

4. PELABURAN SAHAM SIAR HARGA (SAMBUNGAN)

	Harga Belian			
	2016	2016	2015	
	Seunit	RM	RM	RM
SAHAM TERBITAN AWAM				
DRB-HICOM Warrant	7,500	1.19	8,902	8,902
Tradewinds (M) Berhad	1,000	2.05	2,050	2,050
